

## SURAH ORANG MUNAFIQ



Surah: 63 Juzuk: 28 Bil. Ayat: 11

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Apabila orang munafik datang kepadamu (wahai Muhammad), mereka berkata: «Kami mengakui bahawa engkau adalah Rasul Allah». Dan Allah mengetahui bahawa engkau ialah RasulNya, dan Allah menyaksikan bahawa sesungguhnya pengakuan orang munafik itu adalah dusta.
2. Mereka menjadikan sumpah mereka sebagai perisai,<sup>(1)</sup> lalu mereka menghalang (dirinya dan orang lain) daripada jalan Allah. Sesungguhnya amat buruk apa yang mereka telah lakukan.
3. Demikian itu kerana mereka telah mengaku beriman, kemudian mereka menjadi kafir, lalu hati mereka dikunci. Maka mereka tidak dapat memahami.
4. Dan apabila engkau memerhatikan mereka, engkau kagum dengan tubuh badan mereka, dan apabila mereka berkata-kata, engkau juga mendengar tutur kata mereka. Mereka seakan-akan kayu yang tersandar.<sup>(2)</sup> Mereka

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا حَمَدَكَ الْمُنَافِقُونَ قَالُوا نَشَهِدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشَهِدُ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكُنَّدِيُّونَ ﴿١﴾

أَتَخَذُوا أَيْمَانَهُمْ جَنَاحَةً فَصَدُّوْعَنْ سَيِّلَ  
اللَّهُ أَنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢﴾

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ أَمْنَوْا مُؤْمِنَةً كَفُرُوا فَطَبَّعُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ  
فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٣﴾

\* وَإِذَا رَأَيْتُمُهُمْ يَعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ وَإِنْ يَقُولُوا  
سَمِعْ لِقَوْلِهِمْ كَانُهُمْ حُسْبٌ مُّسَنَّدٌ  
يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةً عَلَيْهِمْ هُمْ أَعْدُوْ  
فَآخِذُهُمْ قَتَلَهُمُ اللَّهُ أَنِّي بِأَنْفُكُوتَ ﴿٤﴾

1 Mereka bersumpah bahawa keimanan mereka adalah untuk menjaga harta dan diri mereka supaya jangan dibunuh atau ditawan atau dirampas hartanya.  
2 Kayu yang tersandar ialah perumpamaan untuk menyatakan sifat mereka yang keji

menyangka setiap jeritan adalah untuk membahayakan mereka. Mereka itulah musuh yang sebenarnya, maka waspadalah terhadap mereka. Semoga Allah membinasakan dan menyingkirkan mereka daripada rahmatNya. Bagaimana mereka dapat dipalingkan (daripada kebenaran)?

5. Dan apabila dikatakan kepada mereka: «Marilah (bertaubat) supaya Rasulullah meminta ampun (kepada Allah) bagi kamu», mereka menggeleng-gelengkan kepalanya, malah engkau melihat mereka berpaling dengan menyombongkan diri.
6. Sama ada engkau meminta ampun bagi mereka atau engkau tidak meminta ampun, Allah tidak sama sekali akan mengampunkan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberikan hidayah kepada kaum yang fasiq.
7. Merekalah yang mengatakan (kepada orang Islam di Madinah yang menolong Rasulullah dan orang muhajirin): «Janganlah kamu menafkahkan harta kamu kepada orang yang ada bersama-sama Rasulullah supaya mereka bersurai (meninggalkannya)». Sedangkan bagi Allah jua perbendaharaan langit dan bumi, akan tetapi golongan yang munafik itu tidak memahami.

= meskipun tubuh mereka kuat dan pandai berbicara, akan tetapi sebenarnya otak mereka kosong, tidak dapat memahami kebenaran.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا يَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَسُولُ اللَّهِ  
لَوْقَادُ وَسَهْمٌ وَرَأْيَتُهُمْ مُصْدُونَ وَهُنَّ  
مُسْتَكْبِرُونَ ﴿٥﴾

سَوَاءٌ عَنْهُمْ أَسْتَغْفِرَ لَهُمْ أَمْ لَهُ  
تَسْتَغْفِرَ لَهُمْ لَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ أَهُمْ إِنَّ اللَّهَ  
لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٦﴾

هُمُ الظَّالِمُونَ يَقُولُونَ لَا تُنْفِقُوا عَلَى مَنْ عِنْدَ  
رَسُولِ اللَّهِ حَتَّى يَنْفَضُّوا وَلَلَّهُ خَرَّابٌ  
السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا  
يَفْقَهُونَ ﴿٧﴾

8. Mereka berkata lagi: «Sesungguhnya jika kita kembali ke Madinah (dari medan perang), pastilah orang yang kuat (orang munafik) akan mengusir orang yang lemah (orang Islam)». Sedangkan segala kemuliaan dan kekuatan itu adalah milik Allah dan rasulNya serta orang yang beriman, akan tetapi golongan yang munafik itu tidak mengetahui.
9. Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh harta benda kamu dan anak-anak kamu daripada mengingati Allah. Dan (ingatlah) sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang yang rugi.
10. Dan nafkahkanlah sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum ajal datang kepada salah seorang di antara kamu, lalu dia berkata: «Wahai Tuhan! Alangkah baiknya jika Engkau tangguhkan kematianku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, agar aku dapat bersedekah dan menjadi orang yang soleh».
11. Dan (ingatlah), Allah tidak sama sekali akan menangguhkan kematian seseorang apabila telah sampai waktunya dan Allah Maha Mendalam PengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan.

يَقُولُونَ لَئِنْ رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ  
لَيُحْرِجَنَّ أَعْزَزَ مِنْهَا الْأَذْلَلُ وَلِلَّهِ الْعَزَّةُ  
وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ  
الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِ كُمْ أَمْوَالُكُمْ  
وَلَا أَوْلَادُكُمْ مَعَنِ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ  
يَفْعَلْ ذَلِكَ فَإِنَّمَا ذَلِكَ هُوَ الْخَسِيرُ وَتَ  
٤

وَأَنْفَقُوا مِنْ مَآرِبِهِمْ مَنْ قَبْلَ أَنْ يَأْتِيَ  
أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخْرَجْتَ  
إِلَيَّ أَجْلِي قَرِيبٌ فَأَصَدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ  
الصَّابِرِينَ

وَلَنْ يُؤْخِرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَهُ أَجَهُهَا وَاللَّهُ  
حَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٥﴾